

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 2 Mac 2021 4:37 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: EEPD Dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kedah Jalin Kerjasama Perangi Jenayah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 MAC 2021 / 18 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Zafirah Muhammad
Gambar oleh: EEPD

EEPD DAN JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL KEDAH JALIN KERJASAMA PERANGI JENAYAH



UUM ONLINE: Executive Education and Professional Development (EEPD) telah menerima kunjungan daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah yang diketuai Ketua Jabatan, Superintenden Elias Omar, baru-baru ini.

Pengarah EEPD, Prof. Madya Dr. Manvender Kaur berkata, kunjungan itu adalah usaha EEPD yang bermula seawal Ogos tahun lalu menerusi sesi 'Coffee and Chat' yang diperkenalkan Felo EEPD, Dr. Saralah Devi a/p Mariamdaran.

Menurutnya, sesi tersebut berjaya menarik minat pelajar dan staf untuk mengenali *'trend'* semasa jenayah komersil, sekali gus memberikan pendedahan serta menerima khidmat nasihat daripada pihak berkuasa.

“Pertemuan yang berlangsung selama dua jam itu turut membuka ruang kerjasama antara UUM dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, IPK Kedah serta berharap peluang seperti ini akan terus dilaksanakan sebagai medium penyebaran maklumat berkenaan jenayah komersil secara berkesan pada masa hadapan,” katanya.

Kunjungan yang itu turut menerangkan fungsi dan tanggungjawab pihak jabatan serta berkongsi ilmu berkenaan jenayah komersil berikutan penularan kes jenayah yang sering berlaku kini.

Sementara itu, Elias turut menyatakan hasrat jabatan Siasatan Jenayah Komersil dalam membantu EEPD menyalur maklumat yang tepat menerusi program ilmiah.

Menurutnya, beliau berharap dengan penerangan yang bakal disalurkan dapat meningkatkan kesedaran masyarakat serta dapat membantu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mencegah jenayah komersil.

Pihak EEPD turut membincangkan tentang tawaran aktiviti dan program yang mampu memberi manfaat kepada seluruh warga UUM dan PDRM.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.